

20 NOV 2002

LEADALL Banglo-Runtuh

TUJUH TERBUNUH, SATU MASIH HILANG DALAM TRAGEDI TANAH RUNTUH

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Tujuh terbunuh, lima terselamat dan seorang lagi hilang apabila rumah seorang bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia ranap dalam tragedi tanah runtuh di Taman Hillview, Ampang di sini hari ini.

Jen (B) Tan Sri Ismail Omar terselamat tetapi beliau kehilangan seorang anak lelaki Hijaz, dua menantu dan dua orang cucu.

Isterinya, Puan Sri Azizah Abdul Aziz masih hilang dalam kejadian pukul 4.35 pagi itu.

Dua lagi yang terkorban ialah pembantu rumahnya.

Yang turut terselamat ialah anak perempuan Ismail, Intan Jasmin yang mengandung tujuh bulan serta tiga cucunya -- Ilya Syamira, 8, Shamir Izat, 7, dan Mohd Shazwan, sembilan bulan.

Tiga kanak-kanak itu merupakan anak-anak Intan Jasmin, 34, hasil perkahwinannya dengan arkitek Shamsul Azhar Shafie, 35, yang terkorban dalam kejadian itu.

Ismail, 61, yang merupakan Pengerusi Affin Bank Berhad, kini dirawat di Hospital Kuala Lumpur.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail melawat Ismail di hospital itu petang ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini meninjau gerakan mencari dan menyelamatkan runtuhannya banglo itu yang terletak kira-kira 300 meter dari tapak pangsapuri Highland Towers yang runtuh pada 11 Dis 1993. Seramai 48 orang terkorban dalam tragedi pangsapuri itu.

Ismail dan keluarganya berpindah kira-kira setahun lepas ke banglo itu, yang direka oleh Shamsul Azhar dan Intan Jasmin, yang juga seorang arkitek.

Shamsul Azhar ialah mangsa pertama yang dikeluarkan daripada runtuhannya pada pukul 5.30 pagi.

Mayat Hijaz, 37, dikeluarkan pada pukul 7.15 malam diikuti mayat isterinya Zaradina Zaini, 29 dan dua anak mereka Zurian Aishah, 5 1/2 tahun dan Johan, satu setengah tahun.

Mayat Zaradina dikeluarkan pada pukul 8.35 malam, 10 minit selepas mayat Zurian Aishah dikeluarkan.

Mayat Johan, satu setengah tahun, dikeluarkan pukul 8.05 minit. Mayat ketiga-tiga beranak itu dijumpai berpelukan.

Mayat dua pembantu rumah yang hanya dikenali sebagai Su dan Tini dikeluarkan petang tadi.

Rumah berkenaan ranap apabila lereng bukit di bahagian belakangnya runtuh pada kira-kira pukul 4.30 pagi ketika Ismail dan keluarganya sedang bersiap sedia untuk bersahur.

Tanah runtuh itu dipercayai berpunca daripada hujan lebat yang berlaku sejak beberapa hari lalu.

Gerakan mencari masih diteruskan malam ini.

Selepas tragedi Highland Towers, satu lagi kejadian yang mencemaskan turut berlaku di kawasan itu pada 15 Mei 1999 apabila kawasan tanah seluas 2.5 hektar runtuh.

Kejadian itu menyebabkan kira-kira 15,000 penduduk di Bukit Antarabangsa, tidak jauh dari Taman Hillview, terputus hubungan dengan dunia luar kerana jalan tunggal ke kawasan itu tertimbus.

-- BERNAMA

TM AZZ MOZ